

## Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perpustakaan 2018

**6 Julai 2018 (Jumaat)** - Kelab Perpustakaan UMP dan anjuran bersama Jabatan Perpustakaan UMP telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 22 Syawal 1439H bertempat di Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang, kampus Pekan. Bertemakan 'Kampungku' penganjuran majlis ini adalah bagi mengeratkan silaturahim dan bermaaf-maafan sesama warga Perpustakaan UMP disamping menikmati pelbagai juadah enak yang disediakan.



Berlangsung dari jam 8.30 pagi sehingga 12.30 tengah hari bermula dengan bacaan doa diikuti ucapan Pengerusi Kelab Perpustakaan dan disusuli dengan ucapan Ketua Pustakawan merangkap penaung Kelab Perpustakaan, Tuan Hj. Ruslan Che Pee.



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri diserikan lagi dengan kehadiran jemputan daripada jabatan lain antara dari Jabatan Keselamatan, Pusat Islam & Pembangunan Insan(PIMPIN), Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH), Jabatan Bendahari dan lain-lain.

*Disediakan oleh: Pn. Noorul Farina Ariffin, Pustakawan Kanan Perpustakaan Pekan*